



INTERNATIONAL JOURNAL OF  
EDUCATION, PSYCHOLOGY  
AND COUNSELLING  
(IJEPC)

[www.ijepec.com](http://www.ijepec.com)



SUMBANGAN NOVEL PATUH SYARIAH DALAM MEMBINA  
MASYARAKAT SEJAHTERA

*THE CONTRIBUTIONS OF SHARIAH-COMPLIANT'S NOVEL IN BUILDING A  
PROSPEROUS SOCIETY*

Nadiyah Hashim<sup>1\*</sup>, Jamalia Aurani<sup>2</sup>, Noor Azura Zainuddin<sup>3</sup>, Solihah Haji Yahya Zikri<sup>4</sup>, Zuraimy Ali<sup>5</sup>

<sup>1</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis  
Email: nadiyah@uitm.edu.my

<sup>2</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis  
Email: jamalia607@uitm.edu.my

<sup>3</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis  
Email: noorazura@uitm.edu.my

<sup>4</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis  
Email: solihah86@uitm.edu.my

<sup>5</sup> Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA (UiTM), Cawangan Perlis  
Email: zuraimy@uitm.edu.my

\* Corresponding Author

**Article Info:**

**Article history:**

Received date: 28.04.2022

Revised date: 15.05.2022

Accepted date: 16.06.2022

Published date: 28.06.2022

**To cite this document:**

Hashim, N., Aurani, J., Zainuddin, N. A., Zikir, S. Y., & Ali, Z. (2022). Sumbangan Novel Patuh Syariah Dalam Membina Masyarakat Sejahtera. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 7 (46), 420-429.

DOI: 10.35631/IJEPC.746032

This work is licensed under [CC BY 4.0](https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/)



**Abstrak:**

Novel merupakan antara penulisan kreatif yang sering mendapat tempat dalam kalangan pembaca. Novel banyak membawa cerita masyarakat dan sekaligus menggambarkan keadaan sesuatu masyarakat. isu yang selalu diketengahkan ialah cinta, kepercayaan dan amalan kebiasaan masyarakat. Aplikasi terkini seperti 'Watpadd' menjadi medium penulis memaparkan bakat mereka atas talian secara percuma. 'Goodreads' pula adalah medan para pembaca memberikan ulasan terhadap buku yang dibaca. Ramai penulis novel menjadikan penulisan mereka sebagai medium dakwah dan supaya masyarakat kembali kepada ajaran Islam yang sebenarnya. Terdapat juga novel-novel yang kemudiannya diadaptasi menjadi drama atau filem. Kajian ini akan meninjau penulisan yang menganalisis novel-novel yang telah berjaya menyumbang ke arah pemahaman agama masyarakat yang lebih baik. Penelitian ini adalah mengambil kira sebahagian novel tempatan yang dipilih secara random dan popular penulisnya untuk dinilai daripada aspek akidah, syariah dan akhlak. Data bagi kajian ini dikumpul bersandarkan reka bentuk kajian kualitatif dan analisis kandungan sebagai instrumen kajian utama. Metod penelitian adalah penelitian deskriptif. Hasilnya pengkaji akan menyenaraikan beberapa novel yang menepati piawaian syariah sepenuhnya yang dapat membantu membentuk masyarakat sejahtera, harmoni dan berada dalam keredaan Allah.

**Kata Kunci:**

Masyarakat Sejahtera; Novel; Patuh Syariah

**Abstract:**

Novel is one of the creative writings that hold a special place in the heart of readers. A novel, in most cases, brings the story of society and gives a picture of their real-life circumstances. The common issues that are regularly highlighted in the novel are love, trust, and common practices of society. Nowadays, applications like 'Watpadd' provides a free platform for writers to showcase their talents, whereas 'Goodreads' allows readers to give reviews on the books they read. Most novel writers utilize their writing as a medium for spreading Islamic teaching so that society can learn the lessons and return to the real Islamic teaching. Some novels were even adapted into dramas or films. This research sought to review the novel analysis that contributes to a better understanding of religion in society. This study looked at various local novels from notable writers that were chosen randomly in order to evaluate the contents from the aspects of aqidah, shariah, and akhlak. This is a qualitative study that used content analysis as the main instrument. The method used is descriptive research. The result listed some Shariah compliant's novels that help to shape a prosperous society, harmony, and blessed by Allah.

**Keywords:**

Novel; Prosperous Society; Shariah-Compliant

**Pendahuluan**

Novel ialah cerita dalam bentuk prosa, biasanya panjang dan kompleks yang berkaitan dengan pengalaman manusia dan kelakuan sosial (Kamus Dewan Edisi Keempat, 2007). Sejak awal penulisan novel Hikayat Panglima Nikosa (1876) oleh Ahmad Syawal Abdul Hamid sehinggalah ke tahap paling mutakhir novel novel terbitan terkini banyak fenomena pasang surut yang mewarnai sejarah penulisan novel negara telah dibincangkan. Pertama, secara fundamental kita ingin melihat pencapaian tugas novelis kita terhadap kemajuan dan pembangunan minda masyarakat. Kedua, secara seninya kita juga mengharapkan novel kita menunjukkan kualiti yang baik di peringkat hasil penciptaannya. Ketiga, kita ingin menilai hasil ciptaan novel sebagai satu penghasilan yang dapat meletakkan penulis kita setaraf dengan pencapaian pemenang-pemenang hadiah nobel dunia (Hashim Ismail 2007). Satu perkara yang perlu dilihat juga ialah daripada aspek patuh syariah. Industri halal di Malaysia tidak semestinya hanya menitikberatkan daripada aspek pemakanan, kosmetik dan peralatan, tetapi perlu juga dilihat daripada aspek penulisan terutama penulisan karya kreatif seperti novel.

**Kajian Terdahulu**

Menurut Shahnnon Ahmad di dalam penulisan Shikin Ali (2013) : *novel, cerpen dan sajak mencatat perihal manusia, perihal masyarakat; malah lebih daripada tugas seismograf yang khusus, karya sastera cuba menggambar, meniru dan yang paling utama menganalisis masyarakat itu sendiri. Sastera dengan rasa karib dan mesra ada hubungan dengan masyarakat. Kekariban dan kemesraan ini, dipandang secara keseluruhan, adalah bercorak integral, yang pervasive. Integral dalam erti kata sastera adalah perlu untuk lengkapnya sesebuah masyarakat. Dan pervasive dalam erti kata penyerapan sastera sebagai salah satu*

*unit kebudayaan dalam masyarakat. Seorang pengarang bukan saja dipengaruhi oleh masyarakatnya tapi juga pengarang cuba mempengaruhi masyarakat itu sendiri.*

Sifat-sifat masyarakat Melayu yang unik, kreatif dan akrab dengan alam menimbulkan semacam kepekaan dan sensitiviti terhadap segala kejadian di sekitar mereka. Melalui kepekaan tersebut tercetuslah hasil-hasil karya sastra dan seni yang halus dan indah. Oleh yang demikian, sastra Melayu perlu dikaji dengan pengkaedahan sendiri supaya sifat dan ciri-cirinya tidak hilang. Pengkaedahan Melayu dikemukakan berdasarkan cara dan sikap hidup, kepercayaan dan kebudayaan setempat iaitu masyarakat Melayu yang melahirkan karya-karya tersebut. Dalam membina kerangka teori, Hashim Awang (2002) membahagikan Teori Pengkaedahan Melayu kepada dua pengkaedahan iaitu alamiah dan keagamaan. Pengkaedahan alamiah berteraskan kepada cara hidup dan sikap masyarakat Melayu yang menjadikan alam sebagai sebahagian daripada diri dan kehidupan. Pengkaedahan ini dapat dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan gunaan, pendekatan moral dan pendekatan firasat. Pendekatan gunaan berdasarkan kepada anggapan bahawa sastra merupakan salah satu daripada objek alam, iaitu objek daripada ciptaan manusia. Oleh hal demikian, sastra perlu dilihat kejadiannya sebagai mempunyai sebab, hikmah dan fungsi tertentu. Manakala, pendekatan moral menyatakan sastra mengandungi pengalaman hidup yang dapat memberi pengajaran kerana sastra mempunyai pelbagai ilmu pengetahuan. Seterusnya, pendekatan firasat dikaitkan dengan mimpi yang memerlukan proses takbir dan taksiran. Pengkaedahan keagamaan pula berdasarkan kepada keimanan yang bersendikan akidah Islam yang bersumberkan Al-Quran dan al-Hadis. Tujuan pengkaedahan ini adalah untuk memperlihatkan kebesaran Allah melalui sastra supaya dapat mempertingkatkan ketakwaan kepada-Nya. Pengkaedahan ini juga dipecahkan kepada tiga pendekatan iaitu pendekatan dakwah, pendekatan masyarakat dan pendekatan seni. Pendekatan dakwah melihat sastra sebagai wadah untuk mempertingkatkan ketakwaan manusia kepada pencipta-Nya serta mengukuhkan keimanan dengan memaparkan sifat-sifat kesucian dan kemurnian agama Islam. Pendekatan masyarakat pula menganggap sastra sebagai alat pendedahan segala persoalan yang berlaku dalam kalangan masyarakat yang bertujuan untuk mencari kebaikan dan keadilan dalam masyarakat. Pendekatan seni pula memfokuskan unsur-unsur keindahan sastra yang berlandaskan Al-Quran dan al-Hadis.

Patuh syariah dalam penulisan ialah melihat daripada aspek akidah, syariah dan akhlak. Menurut Ahmad Munawar Ismail (2017), akidah daripada perspektif Islam diibaratkan seperti tunjang bagi seponon pokok. Kuat tunjangnya, maka menjadi kuat seponon pokok. Begitu juga dengan seorang Muslim, apabila akidahnya mantap, maka kuat juga kekuatan diri sebagai seorang Muslim sehingga mampu menjadi seorang Mukmin yang bertakwa, beramal soleh dan berakhlak mulia. Kekuatan akidah juga menjadikan umat Islam kental dan dinamik dalam dalam membawa obor kegemilangan yang bersepadu sehingga menjadi suri teladan kepada seluruh umat manusia. Sebaliknya, kelemahan akidah ini menghilangkan seri keindahan Islam yang terjelma dalam diri umat dalam pelbagai bentuk seperti pengabdian ibadah, akhlak, adab, dan sopan.

Krisis nilai dan akhlak yang banyak terjadi pada generasi kita memerlukan sebuah langkah bimbingan dan pembinaan serius terhadap anak sejak dini. Semakin rendah akhlak seseorang maka semakin lemah pula imannya, kerana hilangnya iman disebabkan oleh terlampau besarnya perbuatan jahat dan kebodohan seseorang. Perlu adanya petunjuk dan bimbingan yang terus menerus dalam menumbuhkan akhlak atau budi pekerti yang mampu berakar di dalam hati dan pikiran. Kerana akhlak yang baik adalah semulia-mulianya sesuatu, sebaik baik

manusia. Terdapat cara-cara yang sangat beragam dalam penanaman nilai tersebut, salah satunya adalah dengan pembelajaran melalui media film (Farida Ukhti Nurhasnah, 2016).

Nispan Rahmi (2017) mengupas mengenai maqasid syariah di dalam penulisannya bahawa sepakat Ibnu Asyur dan Wahbah Zuhaili menyatakan syariat itu pada dasarnya untuk mewujudkan tujuan umum, masalah umum, dalam alam nyata yaitu membahagiakan individu dan jamaah, memelihara aturan serta menyemarakkan dunia dengan segenap sarana yang akan menyampaikannya kepada kesempurnaan, kebaikan, budaya dan peradaban yang terpuji. Dari sini jelas bahwa dakwah Islam itu merupakan rahmat bagi umat manusia, sebagaimana dinyatakan oleh Allah dalam al Qur'an surat al Anbiya' (21): 107. *Maha suci Allah yang telah mewajibkan beberapa kewajiban, mengharamkan beberapa yang diharamkan, mewajibkan terlaksananya hak demi kemaslahatan hidup hamba hamba-Nya baik di dunia maupun di akhirat.* Allah telah menjadikan syariat-Nya yang sempurna ini sebagai pedoman bagi manusia, aturan untuk menjaga kelangsungan hidup, ubat penawar untuk menghilangkan berbagai penyakit dan sebagai pelindung orang yang meminta perlindungan dengannya.

Negara kita tidak ketandusan penulisan-penulisan novel yang baik tetapi sayangnya, bila ia diangkat ke laman layar ia sudah dikikis nilai dakwah dan hanya lebih menonjolkan nilai tarikan publisiti untuk menarik penonton. Pandangan prejudis banyak mendakwa novel diadaptasi ke filem, hasilnya ialah kegagalan.

Penulisan Hani Salwah Yaakup (2018) menyebut pernyataan Zakaria (2005): *'berkenaan filem kini seringkali memvisualkan representasi budaya setempat yang kurang tepat dengan kepercayaan masyarakatnya. Sebagai contoh dalam filem Tombiruo, Bobolian Monsiroi digambarkan sebagai seorang bobolian yang menakutkan dan sangat 'gelap'. Ini menyamai representasi ahli sihir jahat dalam representasi budaya masyarakat Barat dalam mitos dan legenda mereka. Ini menyamai representasi ahli sihir jahat dalam representasi budaya masyarakat Barat dalam mitos dan legenda mereka. Pembauran budaya luar inilah yang membentuk sebuah kepercayaan baharu dalam kalangan masyarakat dengan menganggap apa yang divisualkan menerusi sesebuah filem adalah kepercayaan tradisional masyarakat setempat.'*

Maka seharusnya penulisan novel itu harus dilihat daripada setiap aspek akidah, syariah dan akhlak dan dalam masa yang sama mengambil kira nilai kepercayaan masyarakat setempat dan filem atau yang mahu diadaptasi daripada novel juga seharusnya tidak mengabaikan perkara demikian.

### **Metodologi Kajian**

Kaedah penyelidikan kepustakaan atau dikenali sebagai *Library Research* merupakan kaedah yang biasa digunakan oleh para pengkaji untuk mendapat data dan bukti kajian. Kaedah ini sering menjadi kaedah dominan dalam melakukan kajian sains sosial dan kajian ekonomi kerana maklumat yang diperolehi merupakan maklumat tepat dan boleh digunakan sebagai rujukan dalam sesuatu kajian ilmiah. Kaedah ini merupakan salah satu kaedah yang penting bagi mendapatkan maklumat atau kosa ilmu bagi tugas kajian ini. Pengkaji menggunakan kaedah ini bagi mendapatkan sebanyak mungkin dapatan atau maklumat yang relevan berkaitan dengan tajuk kajiannya. Sebahagian novel tempatan yang dipilih ialah secara random dan popular penulisnya untuk dinilai daripada aspek akidah, syariah dan akhlak. Data bagi kajian ini dikumpul bersandarkan reka bentuk kajian kualitatif dan analisis kandungan sebagai instrumen kajian utama. Metod penelitian adalah penelitian deskriptif.

## Dapatan Kajian dan Perbincangan

Berikut merupakan beberapa analisis novel melayu yang terdapat di pasaran yang sudah ada perbincangan ilmiah mengenainya beserta dengan komen pembaca yang dibahagi penulis mengikut aspek akidah, syariah dan akhlak.

### *Akidah*

Novel Faisal Tehrani bertajuk Tuhan Manusia dianalisis menggunakan prinsip takmilah yang dipilih iaitu sastera yang berciri estetik. Ia dapat dilihat dari dua aspek iaitu keindahan zahir dan keindahan maknawi. Keindahan zahir berkaitan teknik dalam penghasilan karya seperti bentuk, struktur, plot, watak, bahasa, nada dan sebagainya. Manakala, maknawi dapat dilihat dari segi isi, tema, idea, mesej, sudut pandangan dan sebagainya. Justeru, apabila elemen-elemen ini digabung menjadi satu akan menjurus kepada proses penciptaan dan pembinaan karya sastera secara kreatif, indah dan sempurna dari aspek dalaman dan luaran. Kedua-kedua aspek ini berjaya dirangkum oleh Faisal Tehrani dalam karyanya (Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah, 2020). Berikut merupakan ulasan pembaca bernama Muhammad Fahmi pada tarikh 30 Jun 2015 : *Novel "Tuhan Manusia" karya Faisal Tehrani yang saya kira sebuah karya yang bagus untuk anak-anak muda mengenal falsafah, mengetahui tentang mendalam persoalan liberalisme, pluralisme dan bahayanya ajaran-ajaran ini menyusup masuk ke dalam pemikiran mereka sekiranya tidak dilengkapi dan dipandu dengan ilmu tauhid berteraskan Al-Quran dan sunnah. Para remaja juga disyorkan beliau, hendaklah diterapkan dan didedahkan dengan persoalan-persoalan berat sejak di usia remaja lagi supaya kelak menjadi ulul albab yang boleh memisahkan antara yang hak dan yang batil seterusnya menyebarkan kebenaran tersebut kepada masyarakat untuk memperkukuhkan ummah. Walaupun teknik penceritaannya yang berkhotbah, plotnya digarap dengan menarik dan penggunaan bahasanya yang indah membuatkan novel "Tuhan Manusia" salah sebuah novel perbandingan agama; teologi yang patut dibaca dan digulati.*

Cinta sufi yang dinyatakan oleh Ramlee di dalam Cinta Sufi lebih kepada cinta kepada Tuhan. Maka, seharusnya penceritaan berpusatkan kepada pergantungan kepada Allah. Secara tidak langsung, penulisan Ramlee yang berpusatkan kepada pergantungan kepada Allah berjaya memberi kesan kepada peminat Ramlee ini. (Halimah Mohamed Ali, 2014) Komen pembaca Norsamila Samsudin pada 3 Februari 2020: *Membacanya, lidah turut basah dengan lafaz zikir sebagaimana yang terlafaz oleh Laksamana Sunan. Setiap gerak, setiap pencak, hanya dengan nama Yang Esa. Aturan plot yang sangat kemas. Terutamanya ketika menggambarkan babak-babak pertarungan. Penciptaan watak dan perwatakan yang dicipta dari berbeza dunia. Sangat hidup! Di antara fantasi dan realiti. Di antara pertahanan bangsa, tanah ibunda dan akidah jiwa. Di antara cinta manusia, makhluk dan Yang Esa. Perjalanan dan perjuangan seorang sufi yang tidak bernoktah ujiannya. Mati hidup semula, masih kukuh cinta kepada-Nya.*

Syafawati Salihan (2019) menonjolkan kolerasi yang terdapat antara kisah Nabi Musa a.s dalam al-Quran dengan watak utama dalam Novel Sunan Musafir karangan Ramlee Awang Mursyid. Kekuatan pada watak utama dalam karya bersiri ini, iaitu Laksamana Sunan menyerupai unsur yang dapat dipelajari dari kisah Nabi Musa a.s. Perkara ini dominan pada setiap babak yang menampilkan kemunculan watak utama, namun unsur ini tidak pernah diketengahkan kepada masyarakat. antara yang menjadi kesamaan watak ialah sifat tawakal, taat kepada perintah Allah, kesabaran yang tinggi, yakin dalam menyampaikan kebenaran, lemah lembut dalam berdakwah, rendah diri dan membantu mereka yang memerlukan. Justeru itu, kajian kolerasi di antara kisah Nabi Musa a.s dengan novel Sunan

Musafir ini dapat mengajar kita melihat sesuatu perkara dalam dimensi yang lebih luas. Dakwah tidak sekadar kuliah di masjid dan surau, ia juga boleh berlaku dalam bidang sukan, seni muzik dan penulisan seperti yang diketengahkan oleh novel ini. Hilmi Isa pada 27 Jun 2012 memberi ulasan : *Sunan Musafir merupakan siri novel terakhir Saga Laksamana Sunan yang dimulai dengan novel pertama Bagaikan Puteri dahulu. Seperti novel-novel yang sebelumnya, Sunan Musafir masih menampilkan tema utama yang asal iaitu melibatkan unsur-unsur ketuhanan, Islamik, cinta, aksi, thriller dan lain-lain unsur yang berkaitan. Selaku novel terakhir, penamatnya tidak mengecewakan para peminat, terutamanya kepada mereka yang meminati gandingan/pasangan watak utama Laksamana Sunan (Saifudin Jalis)/Ratna. Penamatnya yang 'Happy Ending' melibatkan kedua-dua watak ini di penghujung novel. Saya juga memerhatikan terdapat satu pendekatan penceritaan novel yang baharu digunakan oleh pengarang novel ini, Tuan Ramlee Awang Murshid (RAM). Jika saya tidak silap, gaya penceritaan ini adalah unik dan tidak pernah diaplikasikan di mana-mana novel tulisan Tuan RAM sebelum ini. Gaya penceritaan yang dimaksudkan adalah gaya penceritaan 'cerita di dalam cerita'. Hal ini dapat dilihat di dalam babak-babak yang menunjukkan Saifudin pada tahun 1531 menceritakan kisah pengembaraan Laksamana Sunan pada tahun 1511 kepada anaknya, Andika. Walaupun terdapatnya plot-plot cerita yang berlainan waktu, Tuan RAM berjaya 'menyulamnya' dengan baik tanpa mengelirukan pembacaan. Dari sudut bahasa pula, bahasa yang digunakan tidaklah kompleks walaupun terdapat penggunaan unsur-unsur bahasa Melayu klasik. Kepada para peminat Saga Laksamana Sunan, sudah pasti tiada masalah yang dihadapi ketika di dalam proses pembacaan novel Sunan Musafir ini. Dialog juga ditulis dengan baik dan menampilkan ciri-ciri tipikal yang lazimnya kita temui di dalam setiap novel tulisan Tuan RAM.*

### **Syariah**

Kamariah Kamarudin (2011) mengupas mengenai 2 novel karangan Faisal Tehrani yaitu novel *Tunggu Teduh Dulu* dan *Surat-Surat Perempuan Johor* yang menjadikan watak wanita Melayu Muslim sebagai paksi perutusan untuk memugar kecemerlangan sama ada di dunia mahupun ukhrawi. Ulasan Shuhada Karim pada 20 April 2013: *Buku ini adalah tentang perjuangan seorang perempuan bernama Salsabila mengusahakan tanah pusaka arwah ayahnya dengan membuka ladang betik. Bersama seorang sahabat sejati, Teh Sofia, menjadi usahawan wanita muda mencabar iman dan kesabaran. Cerita yang sangat membina semangat perempuan, bukan semata-mata novel cinta yang klise.. penuh dengan kejutan, dan nilai.*

Rosni Samah (2015) mengupas mengenai novel Faridah Hanom mengisahkan hak kebebasan seorang wanita dalam ruang lingkup Islam. Novel dikatakan berusaha membawa satu dimensi baharu dalam pemikiran masyarakat mengenai hak dan kebebasan wanita dalam Islam tanpa dibelenggu oleh budaya dan tradisi setempat. walaupun penulis sendiri telah menimbulkan satu polemik tentang sejauh mana novel ini memiliki ciri-ciri keasliannya yang tersendiri. Terdapat pandangan yang mengatakan bahawa novel Faridah Hanom merupakan sebuah novel saduran daripada sebuah novel Arab berjudul *Zainab* yang juga berkisar tentang kebebasan wanita daripada belenggu tradisi masyarakat. persamaannya di sini ialah hak wanita menurut Islam seharusnya dilayan dan diutamakan berbanding mengutamakan pemikiran dan adat setempat. Maryam Hamidah Zulkifli ulasannya pada 2 Januari 2017 : *Faridah Hanom adalah seorang perempuan bijak yang mempunyai wawasan. Beliau adalah lambang seorang wanita yang tidak hanya berdiri atas kapasiti anak yang taat tetapi juga seorang kekasih yang setia. Dari satu sudut yang lain, beliau adalah simbolik emanaipasi wanita, baik di zaman itu mahupun sekarang. Saya juga suka untuk menyamakan watak Faridah ini dengan Hayati (watak Tenggelamnya Kapal Van De Wicjk). Walaupun keduanya mempunyai persamaan dalam*

*halnya bersangatan cintakan lelaki (dan ditentang kerana adat), namun Faridah lebih kuat dalam mempertahankan prinsip kesetiaan dan memperjuangkannya dengan cara tersendiri. Wanita harus lebih kuat dan bijak bukan? Novel ini jelas memuat dan menggugah stigma kita menyatakan wanita hanya di dapur sahaja kerjanya, bahkan ia mengangkat status wanita lebih tinggi daripada seorang lelaki kerana wanita itu adalah pendidik dan pembangun anak-anak sekaligus bangsa kita. Berbanggalah tuan diri kerana menjadi seorang wanita. Tidak lah ia bermegah kerana konotasi wanita harus maju dan sebaris dengan lelaki, melainkan kerana dengan tangan ia, ia berupaya mengacu dan membentuk masa depan.*

Novel-novel seperti Salina dan Badai Semalam misalnya menjadi popular dan dibaca ramai orang kerana penulis-penulisnya dikenali ramai, yakni A. Samad Said dan Khadijah Hashim. Buktinya novel-novel tersebut itu popular apabila digunakan untuk teks sastera pelajar-pelajar di sekolah menengah dan maktab rendah bagi mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, kepopularan novel-novel tersebut mendorong para peminat buku untuk membaca. Dengan membaca, persoalan dan permasalahan serta pemikiran sesebuah masyarakat itu dapat diketengahkan dan secara tidak langsung, persepsi isteri mithali terbentuk melalui orientasi tradisionalisme dan patriarki disorotkan menerusi perwatakan dalam novel-novel itu. (Shikin Ali, 2013). Menurut Shikin Ali lagi di antara novel-novel Melayu yang diadaptasikan ke televisyen dan layar perak ialah novel-novel Adam dan Hawa dan Ombak Rindu yang mendapat sambutan di luar jangkauan. Ini bermakna ramai juga orang dalam kalangan masyarakat Melayu yang menonton drama drama adaptasi ini. Oleh itu, masyarakat Melayu amnya akan membentuk penilaian mereka itu tentang persepsi isteri mithali yang dipaparkan menerusi filem atau drama tersebut. Dengan adanya anak-anak gadis dan anak teruna dalam kalangan masyarakat Melayu yang menontonnya, sedikit sebanyak mereka akan terpengaruh untuk mengikut-ikut cara pemikiran dan gaya pelakon-pelakon filem dan drama itu. Dengan itu, nilai-nilai yang dipegang watak isteri dan suami dalam filem dan drama itu mungkin juga mempengaruhi persepsi mereka tentang peranan dan tanggungjawab isteri dan suami yang harus mereka laksanakan setelah berumahtangga. Oleh yang demikian, persepsi isteri mithali terus terbentuk dalam minda masyarakat dan menjadi sebatik dalam kehidupan sesuai dengan nilai-nilai patriarki yang diamalkan dalam kehidupan masyarakat itu.

### **Akhlaq**

Karya Faisal Tehrani yang lain juga dilihat merupakan usaha dakwah beliau dalam penulisan kreatif, Che Abdullah Che Ya (2018) mendapati novel Bedar Sukma Bisu banyak mengolah realiti kehidupan masyarakat Melayu yang sangat bergantung kepada alam, baik sebagai sumber inspirasi mahupun ekonomi. Iman Hakim pada 1 Januari 2017 telah mengulas : *Satu perkara yang sentiasa saya boleh andalkan terhadap FT adalah aspek susunan bahasa beliau. Keindahan estetika bahasa yang nyaman, indah dan mengalir. Kedua, bahasa yang sudah dihias rapi itu pasti bersulam ilmu. FT sangat teliti dalam memasukkan fakta dan huraian akademi di dalam novel beliau. Novel ini sebuah novel yang membicarakan hal bisnes, ekonomi, perkapalan, perdagangan, perjuangan wanita dan pastinya cinta. Watak perempuan diangkat sebagai watak utama, dengan segala sifat yang wajar menjadi tauladan buat wanita luar sana. Tema Melayu-Islam-Intelektual masih lagi menjadi tunjang utama dalam gaya kepengarangan khusus FT. "Mengecewakan" adalah sesuatu yang mustahil jika anda menyelami karya FT.*

Penulisan Norhayati Ab. Rahman (2016) pula membincangkan dan memperlihatkan bagaimana dan sejauh manakah hubungan serumpun antara bangsa Melayu dan Bugis yang diangkat dalam naratif garapan Sasterawan Negara Arena Wati melalui novel-novelnya

Sandera (1971), Sudara (1994), Warna Sukma Usia Muda (2005) dan Rindu Aroma Padi Bunting (2012). Sasterawan menceritakan hubungan harmonis antara dua bangsa yang saling bergantung antara satu sama lain yang terjalin dalam aspek politik, perkahwinan, perdagangan dan sosiobudaya.

Dapatan kajian Tuan Rusmawati Raja Hassan (2020) menunjukkan bahawa, pengarang novel Ruang Perjalanan berjaya menghilangkan keadaan ketergantungan, kekerasan, kebencian dalam kalangan watak-watak serta mengembalikan eksistensi mereka dirosakkan oleh 'manusia mesin', 'masyarakat massa' dan 'budaya massa'. Kajian ini merumuskan bahawa S. Othman Kelantan bukan sahaja mengangkat isu khalifah terhadap perwatakan dalam novel, malahan sifat tersebut juga sangat terserlah melalui karya dan aspek latar diri pengarang sehingga merentas kepada akar tradisi Melayu-Islamnya. Ia menunjukkan keteguhan kedudukannya sebagai seorang penulis untuk menjalankan tanggungjawab sebagai khalifah Allah.

### **Kesimpulan**

Berdasarkan beberapa analisis yang telah dijalankan terhadap novel-novel di Malaysia, ramai penulis yang menjadikan penulisan sebagai satu jalan dakwah. Samada sesebuah novel itu lengkap merangkumi aspek akidah, syariah dan akhlak atau hanya menumpukan kepada sesuatu aspek sahaja. Dakwah secara santai dan sampai yang dilakukan sedikit sebanyak dapat membina masyarakat sejahtera untuk pemahaman agama dengan lebih baik dan mengelak daripada pemahaman yang salah tentang agama.

Ia tidak tertumpu kepada umat Islam semata, tetapi penulisan novel patuh syariah juga memberi gambaran Islam yang betul dan indah kepada pembaca bukan Islam sekaligus silap faham tentang agama Islam dan dakwah yang terpesong dapat dielakkan.

Selain daripada novel umum, novel-novel remaja dan bacaan ringan Islamik untuk kanak-kanak juga mudah didapati di kedai-kedai buku mahupun atas talian. Tiada alasan, Malaysia kekurangan penulis yang berkualiti dan berfikiran pendakwah.

Sekalipun penulisan novel itu sudah baik nilai murni, namun kerana masyarakat lebih suka hiburan dalam bentuk visual, maka dicadangkan dalam penulisan ini agar novel yang diadaptasi kepada drama atau filem tidak diabaikan daripada aspek dakwah tersebut. Kajian berterusan mengenai ini seharusnya dijalankan agar tidak ada pengasingan ruang dakwah dan sebenarnya ia boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja mengikut kemampuan dan kelebihan masing-masing.

### **Penghargaan**

Penulis mengucapkan ribuan terima kasih kepada mak abah, suami dan anak-anak, tidak lupa Ketua Pusat pengajian dan sahabat-sahabat yang memberi ruang dan peluang serta sokongan sepenuhnya dalam penulisan ilmiah ini.

### **Rujukan**

- Che Abdullah Che Ya. (2018). Manifestasi Kehidupan Masyarakat Melayu Dalam Bedar Sukma Bisu Daripada Perspektif Pengkaedahan Melayu. *Jurnal Melayu Bil. 17(2)* 2018 331 ISSN 1675-7513
- Farida Ukhti Nurhasnah. (2016). Nilai-Nilai Pendidikan Akhlak Dalam Film Negeri 5 Menara. NIM. 1123301022 (2016) *Skrip Thesis*, IAIN Purwokerto.



- Halimah Mohamed Ali. (2014). Cinta Sufi dan Dakwah Ramlee Awang Mursyid: Pengaruhnya Terhadap Pembaca. *International Journal of the Malay World and Civilisation (Iman)* 2(3), 2014: 13 - 21
- Hani Salwah Yaakup . (2018) Tombiruo: Adaptasi Novel Ke Filem dan Representasi Kepercayaan Setempat. *Jurnal Komunikasi Malaysian Journal of Communication* Jilid 34(2) 2018: 323-337 E-ISSN: 2289-1528 <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2018-3402-20>
- Hashim Ismail. (2007). Sejarah Penulisan Novel Di Malaysia: Isu Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 18, 2007
- Hilmi Isa. (2012). Ulasan novel *Sunan Musafir*. [https://www.goodreads.com/book/show/13633498-sunan-musafir?ac=1&from\\_search=true&qid=m2FXXC4f2v&rank=1](https://www.goodreads.com/book/show/13633498-sunan-musafir?ac=1&from_search=true&qid=m2FXXC4f2v&rank=1). Diakses pada 12 Januari 2022
- Iman Hakim. (2017). Ulasan novel *Bedar Sukma Bisu* [https://www.goodreads.com/book/show/2829793-bedar-sukma-bisu?ac=1&from\\_search=true&qid=G4rNK0jQn0&rank=1](https://www.goodreads.com/book/show/2829793-bedar-sukma-bisu?ac=1&from_search=true&qid=G4rNK0jQn0&rank=1) diakses pada 12 Januari 2022
- Ismail A. M. & Jasmi, K. A. (2016). *Akidah dan Akhlak dalam Pendidikan Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press. ISBN: 978-983-52-1215-4.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2007) Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kamariah Kamarudin. (2011) . Nilai Tarbiah Dan Islah Wanita Melayu Islam Pascamerdeka: Satu Analisis Terhadap Novel Tunggu Teduh Dulu Dan Surat-Surat Perempuan Johor. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22, 2011
- Maryam Hamidah Zulkifli. (2017) Ulasan novel *Hikayat Faridah Hanom*. [https://www.goodreads.com/book/show/36100938-hikayat-faridah-hanom?ac=1&from\\_search=true&qid=5YTQo7gUnp&rank=1](https://www.goodreads.com/book/show/36100938-hikayat-faridah-hanom?ac=1&from_search=true&qid=5YTQo7gUnp&rank=1) diakses pada 12 Januari 2022
- Muhammad Fahmi. (2015) Ulasan novel *Tuhan Manusia*. [https://www.goodreads.com/book/show/2222427.Tuhan\\_Manusia](https://www.goodreads.com/book/show/2222427.Tuhan_Manusia) diakses pada 12 Januari 2022
- Muhammad Nur Al-Hakim Mohamad Hanafiah. (2020) Faktor Dan Kesan Murtad Masyarakat Melayu Menerusi Novel Tuhan Manusia Karya Faisal Tehrani: Satu Penelitian Takmilah. *Jurnal Melayu Bil.* 19(2)2020 189 ISSN 1675-7513
- Nispan Rahmi. (2017). Maqasid Al Syari'ah: Melacak Gagasan Awal. *Jurnal Syariah: Jurnal Ilmu Hukum dan Pemikiran Maqasid al-Syari'ah* ..160-178 Vol 17, Nomor 2 Desember 2017
- Norhayati Ab. Rahman. (2016) Sejarah Hubungan Masyarakat Melayu dan Bugis Sebagai Asas Pembinaan Naratif dalam Novel Sasterawan Negara Arena Wati. *Jurnal Pusat Penataran Ilmu & Bahasa* ISSN 1511-1989©
- Norsamila Samsuddin. (2020) Ulasan novel *Cinta Sufi* [https://www.goodreads.com/book/show/7926583-cinta-sufi?ac=1&from\\_search=true&qid=O3OuZNctLN&rank=1](https://www.goodreads.com/book/show/7926583-cinta-sufi?ac=1&from_search=true&qid=O3OuZNctLN&rank=1) diakses pada 12 Januari 2022
- Rosni Samah. (2014). *Sumbangan Novel Mesir Zainab dalam Kemunculan Novel Malaysia Faridah Hanom*. Bandar Baru Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia, 2014, 98 halaman, ISBN 978-967-440-090-3
- Shikin Ali. (2013). *Satu Kajian Persepsi Isteri Dalam Novel Dan Masyarakat Melayu*. National University Of Singapore.

- Shuhada Karim. (2013) Ulasan novel *Tunggu Teduh Dulu*.  
[https://www.goodreads.com/book/show/3365532-tunggu-teduh-dulu?ac=1&from\\_search=true&qid=XOVv5YDMnF&rank=1](https://www.goodreads.com/book/show/3365532-tunggu-teduh-dulu?ac=1&from_search=true&qid=XOVv5YDMnF&rank=1) diakses pada 12 Januari 2022
- Syafawati Salihan. (2019). Pengkisahan dalam Al-Quran : Kolerasi antara Kisah Nabi Musa A.S dengan Novel ‘Sunan Musafir’ Karya Ramlee Awang Mursyid. *Jurnal Pengajian Islam*. ISSN: 1823 7126 E -ISSN: 0127-80022019, Bilangan 12, Isu II, Halaman 80-98
- Tuan Rusmawati Raja Hassan. (2020). Cabaran Teknologi Dan Peranan Khalifah Dalam Novel Ruang Perjalanan Isteri Mithali. *Jurnal Melayu Isu Khas* Disember 2020 503 ISSN 1675-7513